

14 APR 2002

Ling-MCA/I

DR LING DIJANGKA BERTEMU TIMBALANNYA UNTUK SELESAI MASALAH PARTI

SEREMBAN, 14 April (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata "besar kemungkinan" beliau akan mengadakan pertemuan dengan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek berhubung rancangan damai yang dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan mereka semalam.

Ling berkata rancangan damai itu akan memudahkan beliau "memperolehi peluang" untuk menemui Lim.

"Saya menyokong penuh dan berusaha keras untuk menjayakan agenda damai ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Pemilik Kedai Kopi Malaysia-Singapura di sini hari ini.

Dr Ling berkata walaupun masalah yang timbul antara dua kumpulan dalam parti berkenaan semakin berlarutan, beliau tidak menyimpan sebarang perasaan tidak baik terhadap Lim.

Dr Ling mengetuai Team A dan Lim pula memimpin Team B dalam MCA. Kedua-dua pihak tidak sependapat tentang beberapa isu termasuk isu terbaru berkaitan senarai keanggotaan parti.

"Sebagai abang, saya harus terima apa juga (kritikan) demi kebaikan dan masa depan MCA. Ini baik untuk matlamat jangka panjang parti.

"Saya tidak menyimpan sebarang perasaan tidak baik terhadapnya dan beliau masih kawan baik saya dan anggota keluarga MCA. Sebagai abang, walaupun beliau marah kepada saya, saya tidak akan memarahinya balik," katanya.

Dr Ling menyifatkan Perdana Menteri sebagai seorang pemimpin yang benar-benar memiliki "sifat-sifat seorang bapa" dan mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas nasihat yang beliau berikan bagi menyelesaikan masalah dalam MCA.

Ditanya tentang rancangan Team B untuk mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) Ahad depan, beliau berkata: "Jangan risau tentang EGM itu. Saya tidak mahu meramalkan benda yang akan berlaku".

Semalam, Dr Ling yang ditemani naib presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Dr Fong Chan Onn, telah menemui Dr Mahathir untuk mmebincangkan perkembangan terbaru dalam parti itu.

Pada pertemuan itu, Perdana Menteri telah "menggariskan satu agenda bagi kestabilan dan perdamaian" untuk parti berkenaan.

-- BERNAMA

APG YBY SP RON